


Padah muat naik membuta tuli

» Fikir dulu kesan sebelum kongsi
sesuatu di laman sosial



Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Kata pepatah terlajak perahu boleh berundur, terlajak kata atau perbuatan, buruk padahnya.

Hakikat atau natijah itu perlu 'ditelan' apabila individu memutuskan untuk memuat naik video atau sebarang status berbau sensitif di internet atau lebih khusus di laman sosial.

Pakar sosial, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata tidak dinafikan internet dan laman sosial memberi manfaat positif kepada pengguna, namun ia boleh menjadi buruk apabila pengguna menggunakannya dengan tujuan negatif.

"Laman sosial banyak manfaatnya, malah ia menjana keuntungan kepada orang berniaga kerana ia bersifat mengiklan. Malah, untuk menyampaikan sesuatu pesanan bermanfaat pun mudah dilakukan menerusi laman sosial. Namun, ia boleh menjadi negatif apabila kita menggunakannya dengan tujuan tidak elok, umpamanya menyampaikan maklumat palsu atau dengan sengaja berniat menyebarkan fitnah," katanya turut menasihatkan, fikir dulu sebelum berbuat sesuatu.

Beliau mengulas kecenderungan individu memuat naik video atau status di laman sosial bersifat sensitif atau mengundang rasa tidak senang hati sesetengah pihak.

Apatah lagi, jika dimuat naik itu bersandarkan pandangan peribadi atau dangkal mengenai sesuatu isu.

Beri impak banyak pihak

Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata senario hari ini memperlihatkan positif media sosial bagaikan semakin tenggelam apabila muncul individu memuat naik cerita palsu



“Laman sosial banyak manfaatnya, malah ia menjana keuntungan kepada orang berniaga kerana ia bersifat mengiklan. Malah, untuk menyampaikan sesuatu pesanan bermanfaat pun mudah dilakukan menerusi laman sosial”

Dr Mohammad Shatar Sabran,
Pakar sosial

dengan niat jahat.

Keburukan itu makin terserlah apabila wujud 'tangan ghaib' yang dengan pantas berkongsi, tanpa memikirkan implikasi negatif atas perkongsian dilakukan itu.

"Orang yang suka memuat naik video ini, perlu tanya diri sendiri - apa tujuan utama mereka. Ingat-

lah, apa saja yang kita kongsi di laman sosial ini, dalam masa tak sampai satu jam pun, sudah boleh tersebar hingga ke luar negara. Sebelum menekan butang enter, fikirkan mengenai implikasinya terlebih dulu kerana bukan saja diri sendiri, sebaliknya berita palsu yang bersifat fitnah boleh memberi implikasi negatif kepada keluarga, malah mungkin juga negara.

Keyakinan diri rendah

"Bagi saya, orang yang suka meluahkan rasa untuk tatapan umum ini memilikinya keyakinan diri yang rendah, selain gemarkan perhatian orang lain," katanya.

Beliau berkata, disebabkan apa yang dipaparkan bersifat maya, setiap mata yang melihatnya boleh memberikan pelbagai implikasi kerana penerimaan individu terhadap sesuatu bahan bacaan atau tontonan itu sebagai subjektif.

"Contohnya, seorang dermawan mahu menderma sebanyak RM1 juta dan diletakkan di laman sosial. Ada yang suka dan ada juga yang mengutuk. Pada peringkat akhirnya kita terpaksa akur, itulah 'bayaran' yang kita terima apabila berkongsi di laman sosial walaupun mungkin berniat baik," katanya.

Tanggung jawab bersama

Mohamad Shatar berkata, mengelak daripada 'mempromosi' individu yang suka memuat naik maklumat, pengguna perlu berhati-hati dan berfikir panjang sebelum menekan like atau share. "Cuba berkongsi maklumat



daripada sumber yang sah sahaja. Jika sesuatu itu tidak mendatangkan manfaat, lebih baik diabaikan saja, atau mendapatkan kesahihan terlebih dulu daripada terus mempercayainya," katanya.

Mohamad Shatar menegaskan, 'kuasa' internet dan laman sosial menjadi sangat kuat apabila pengguna lebih dipercayai dan terpengaruh dengan apa yang dipapar berbanding usaha mendapatkan maklumat

yang sah.

"Kita perlu ada etika dalam berkongsi maklumat kerana impak negatifnya mungkin boleh berlaku kepada orang lain. Maklumat tidak benar dan fitnah mungkin mendatangkan kerugian kepada syarikat atau individu yang difitnah. Lebih teruk lagi sekiranya ia memberi impak atau imej buruk kepada negara," katanya.

'Jangan memandai-mandai'

Haram hukumnya jika media sosial digunakan secara negatif seperti memfitnah, mengaibkan orang lain atau menyampaikan maklumat yang tidak sah.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria, berkata jika maklumat tidak betul, ia sudah dikira memfitnah. Malah, jika seseorang itu menjatuhkan sesuatu hukum tertentu dalam ceramah agama yang dikongsi di internet, ia sudah dikira sebagai menyesatkan orang.

Apatah lagi sekiranya memberikan pandangan berhubung bab agama, tetapi dangkal mengenainya.

"Nasihat saya mudah saja, jangan 'memandai-mandai' kerana dengan sikap dan perbuatan itulah boleh mengundang dosa," katanya.

Beliau turut melahirkan kekesalannya apabila internet digunakan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat tidak betul.

"Malam tadi, saya baru terima satu rakaman video mengatakan tidak salah menyentuh al-Quran tanpa wuduk. Saya tidak faham apa yang cuba disampaikan kerana maklumat tidak betul boleh menyebabkan orang yang percaya menjadi sesat.

"Saya ingin mengingatkan, agama tidak boleh ditafsirkan dengan akal fikiran, ia perlu bersandarkan ilmu pengetahuan yang mendalam mengenainya," katanya.

Harussani turut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dalam menekan butang like atau

share kerana mereka perlu bertanggungjawab terhadap perbuatan itu.

Didakwa menghina

Dalam kejadian baru-baru ini, seorang penyampai radio BFM Media, Aisyah Tajuddin, menerusi video berdurasi satu minit 55 saat itu, didakwa menghina langkah Kerajaan PAS Kelantan membentangi dan meluluskan undang-undang hudud di negeri itu hingga mencetuskan kecaman terhadapnya di laman sosial.

Rentetan itu, Aisyah tampil memohon maaf secara terbuka selepas berdepan pelbagai kritikan, termasuk ancaman bunuh dan rogol terhadap dirinya.

Aisyah mendakwa, video ter-



Harussani Zakaria

babit dihasilkan bagi mempersoal keutamaan Kerajaan PAS Kelantan, bukannya menghina Islam.

"Ia menceritakan perihal politik, perkataan dan perbuatan ahli politik. Bukan tujuan saya mengherdik dan tiada niat untuk menghina. Saya benar-benar kesal dan memohon maaf atas perbuatan atau cara penyampaian saya dalam video itu.

"Saya tidak pernah, dalam apa-apa keadaan sekalipun, menghina atau mengutuk mana-mana agama atau agama saya sendiri. Sejak video itu tersebar, pelbagai ancaman bunuh dan rogol saya terima. Ia termasuk keluarga, teman sekerja dan rakan," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan, baru-baru ini.